

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
(ARAU)**

SOALAN

DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme yang boleh diguna pakai dalam menangani Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) selain pelaksanaan Ops Benteng bagi menyekat penularan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius berkenaan masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini lebih-lebih lagi selepas berlakunya krisis dan penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia pada ketika ini. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Ops Benteng dilaksanakan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan secara bersepadu dengan pelbagai Agensi / Jabatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mana ditugaskan untuk menyekat kemasukan PATI dan aktiviti penyeludupan. Bermula dari 1 Mei 2020 sehingga 1 Julai 2020, tangkapan PATI melalui Ops Benteng yang dilaksanakan oleh PDRM telah merekodkan tangkapan berjumlah 643 orang PATI, ATM dengan tangkapan seramai 278 orang PATI dan tangkapan PATI oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) berjumlah 470 orang dari pelbagai warganegara.

Dengan angka tangkapan PATI yang konsisten melalui pelaksanaan Op Benteng, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) turut memperhalusi Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI sebagai strategi untuk mengatasi permasalahan PATI di negara ini secara lebih komprehensif dengan kerjasama antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Pelan yang dirangka untuk pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dalam tempoh lima (5) tahun ini bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendaya upaya agensi penguat kuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:-

- (i) **Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- (ii) **Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk** yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- (iii) **Strategi Pengurusan Pekerja Asing** yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan pekerja asing;
- (iv) **Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara; dan
- (v) **Strategi Media dan Publisiti** yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

NO.SOALAN : 437

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan.

Sehubungan itu, KDN telah mengenalpasti kepentingan jalinan kesinambungan hubungan antarabangsa antara Kerajaan Malaysia dan kerajaan negara jiran yang berkenaan bagi tujuan hebahan kesedaran dan pengetahuan risiko serta kesalahan dalam merentasi sempadan negara antarabangsa tanpa kebenaran yang sah.

KDN melalui JIM dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain juga terutamanya PDRM dan (APMM) akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan warganegara asing. JIM juga akan turut melibatkan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.